

**NOVEL ISMAIL ABBAS DAN HARUN HAJI
SALLEH: SATU KAJIAN GAGASAN
PERSURATAN BARU**

TUAN SANIRA BINTI MOHD ZAWAWI

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA SENI KREATIF**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENGAJIAN SENI

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2013

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: NOVEL ISMAIL ABBAS DAN HARUN HAJI SALLEH: SATU KAJIAN
GAGASAN PERSURATAN BARU
IJAZAH: SARJANA SASTERA

Saya Tuan Sanira Mohd Zawawi, Sesi Pengajian 2010/2012, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,


(Tandatangan Penulis)

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN

(Tandatangan Pustakawan)

Alamat Tetap:


(Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat)
PENYELIA

Tarikh :

PENGAKUAN

Tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali terdapat petikan, nukilan atau lain-lain yang saya muatkan dalam penulisan ini telah saya jelaskan sumber bagi setiap satunya.

17 Januari 2013



Tuan Sanira Binti Mohd Zawawi
PY20108197



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **TUAN SANIRA BINTI MOHD ZAWAWI**
NO. MATRIK : **PY20108197**
TAJUK : **NOVEL-NOVEL ISMAIL ABBAS DAN HARUN HAJI SALLEH:
SATU KAJIAN PERSURATAN MELAYU BARU**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
TARIKH VIVA : **2 OGOS 2013**

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat

Tandatangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA BERSAMA

Esterlina Moo Chin Len Lazarus

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya dan berkat serta kekuasaan-Nya penulisan tesis ini dapat saya sempurnakan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan sejuta rasa terima kasih saya ucapkan kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat dan Esterlina Moo Chin Len Lazarus selaku penyelia bersama atas sumbangan mereka yang tidak pernah jemu memberikan idea bernas dan kesudian meluangkan masa menyemak tesis ini. Segala nasihat, kata-kata hikmah, saranan dan komentar yang diberikan menguatkan semangat saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Dekan Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Abd. Jamal Abd. Hamid dan para pensyarah yang telah terlibat secara langsung dalam kajian ini. Jutaan terima kasih kepada beberapa institusi yang membantu melancarkan proses kajian seperti MyBrain15 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Sekolah Pengajian Seni (SPS), Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), Pusat Alam dan Tamdun Melayu (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Negeri Sabah dan Perpustakaan Tun Fuad Stephen.


Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat-sahabat, kedua ibu bapa dan keluarga yang menjadi pendorong utama. Semoga Tuhan membalas segala jasa dan kebaikan yang mereka lakukan.

Tuan Sanira Mohd Zawawi

17 Januari 2013

ABSTRAK

Ismail Abbas (Allahyarham) atau Amil Jaya merupakan anak kelahiran Kota Belud dan seorang penulis novel Sabah yang pertama. Manakala, Harun Haji Salleh (Allahyarham) seorang karyawan perantau Negeri Sembilan yang giat dalam penulisan kreatif sejak tahun 1950-an dan merupakan penulis novel Islam pertama di Sabah. Kajian menganalisis tiga novel terpilih Ismail Abbas *Cerah (1976)*, *Bagaton (1979)*, *Ngayau (1987)* dan tiga buah lagi dari karya Harun Haji Salleh *Hidayah (1984)*, *Di Sebalik Sebuah Kubah (1986)*, *Murtad (1992)* menggunakan Gagasan Persuratan Baru, seterusnya GPB. GPB merujuk kepada konsep ilmu yang benar, mudah diuji kesahihan dan ketepatannya dalam kritikan sastera, terutamanya novel. Berdasarkan kerangka ilmu yang benar dari konsep tauhid dan ukuran *taklif*, analisis kajian meneliti persoalan atau pemikiran pengarang terhadap keseluruhan karya tersebut. Pemikiran pengarang turut dilihat dari aspek watak perwatakan dengan mengambil kira keselarasannya dengan tiga falsafah utama GPB, iaitu Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal serta Hakikat dan Fungsi Sastera. Berdasarkan pemikiran tersebut, kajian mendapati aplikasi GPB adalah relevan walaupun ada sesetengah bahagian novel yang kurang menepati hasrat gagasan ini.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

ISMAIL ABBAS NOVEL AND HARUN HAJI SALLEH PILGRIMAGE: A NEW LITERATURE IDEA STUDY

Ismail Abbas (Allahyarham) or Amil Jaya was born in Kota Belud and is the first novelist in Sabah. While, Harun Haji Salleh (Allahyarham) was born in Negeri Sembilan and has been an author in creative writing since 1950s, he is the first Islamic novelist in Sabah. Study analyses selected three novels Ismail Abbas Cerah (1974), Bagaton (1976), Ngayau (1987) and three more from work Harun Haji Salleh Hidayah (1984), Di Sebalik Sebuah Kubah (1986), Murtad (1992) use Gagasan Persuratan Baru, further GPB. GPB or Genuine Literature in English referring to knowledge concepts that is easy tested validity and accuracy in literary criticism especially novels. Based on framework of knowledge that is true form monotheism concept and measure taklif study analysis examine issue or author's mind on work. A part from that, author's mind also seen in character and characteristic with regard the concordance with major three philosophy GPB, namely Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal serta Hakikat and Fungsi Sastera. This from studies delivery and thinking that is different both novelist, Amil Jaya and Harun Haji Salleh recognizable. After that, study found application GPB is relevant although have some parts novel that less fulfilling this desire idea.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Persoalan Kajian	2
1.3 Ojektif Kajian	2
1.4 Batasan Kajian	3
1.4.1 Ismail Abbas (Amil Jaya)	3
1.4.2 Harun Haji Salleh	6
1.5 Metodologi Kajian	11
1.5.1 Kaedah Pengumpulan Data	11
1.5.2 Kaedah Penganalisan Data	12
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Penutup	17
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian Lepas Kritikan Novel Amil Jaya dan Harun Haji Salleh	21

2.3	Kajian Lepas Kritikan Novel yang Menggunakan Gagasan Persuratan Baru	30
2.4	Penutup	36
BAB 3 : METODOLOGI DAN GAGASAN PERSURATAN BARU		
3.1	Pengenalan	37
	3.1.1 Pengumpulan Data dan Deskripsi Data	37
3.2	Gagasan Persuratan Baru	39
	3.2.1 Falsafah Tauhid dan Taklif	41
	i. Hakikat Insan	43
	ii. Hakikat Ilmu dan Amal	47
	iii. Hakikat dan Fungsi Sastera	49
3.3	Penutup	55
BAB 4 : PEMIKIRAN DALAM KARYA		
4.1	Pengenalan	57
4.2	Unsur Tauhid dan Ukuran Taklif	58
	4.2.1 Nilai Ibadat	59
	4.2.2 Nilai Kemungkaran	70
	4.2.3 Penyampaian Dakwah	75
	4.2.4 <i>Uswah Hasanah</i>	79
	4.2.5 <i>Stylization of Ideas</i>	88
4.3	Penutup	103
BAB 5 : HAKIKAT INSAN DALAM NOVEL		
5.1	Pengenalan	104

5.2	Hakikat Insan daripada Watak dan Perwatakan	105
5.2.1	Alim dan Taat Kepada Perintah Allah SWT	106
5.2.2	Cinta dan Kasih Sayang	115
5.2.3	Kejam dan Zalim	122
5.3	Penutup	127

BAB 5 : PENUTUP		128
------------------------	--	-----

BIBLIOGRAFI		134
--------------------	--	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sejarah penulisan novel Melayu di Sabah mula dicetuskan oleh seorang penulis dari Singapura, iaitu Cikgu Harun bin Mohd. Amin atau lebih dikenali sebagai Harun Aminurrashid pada tahun 1947 (Ismail Abbas, 1993: 1). Sehingga tahun 1973, perkembangan novel di Sabah kembali bersinar apabila muncul Anuar Beda Amasuba dari Flores, Indonesia diikuti Amil Jaya yang merupakan penulis novel pertama berasal dari daerah Kota Belud, Sabah. Novel berjudul Nafas Yang Hampir Putus karya Anuar Beda Amasuba dan Cerah karya Amil Jaya telah memenangi tempat kedua peraduan menulis novel anjuran Badan Bahasa Sabah (BAHASA) dengan kerjasama Biro Bahasa, Jabatan Ketua Menteri pada tahun 1973 sempena 10 tahun Sabah merdeka (Ismail Abbas et.al, 1997: 1).

Ternyata perkembangan novel di Sabah semakin mendapat perhatian apabila Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah mula ditubuhkan pada Januari 1977. Hasil pelbagai bengkel dan galakan daripada penulis-penulis Sabah yang sedia ada, lebih banyak novel dan karya ditulis dan diterbitkan. Tambahan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah melantik penulis-penulis berbakat sebagai Anak Angkat Dewan (Ismail Abbas *et.al*, 1997: 1). Menurut Ismail Abbas, antara penulis yang giat berkarya pada masa itu adalah Obasiah Hj. Usman, Harun Haji Salleh, Azmah Nordin, Siti Rahmah G. Ibrahim, Abdul Manaff Ahmad Zainie, Rosnani Baslee dan R. Hamzah Dua. Kebanyakan novel yang ditulis dan diterbitkan pada masa itu bertemakan cinta (1993: 4), patriotik dan keperwiraan suku kaum di Sabah dan Sarawak (1993: 6), pendidikan (1993: 7), persoalan dakwah Islamiah serta sistem norma dan nilai masyarakat (1993: 9 & 10).

Kini, penulisan novel khasnya di negeri Sabah semakin berkembang dengan kehadiran lebih ramai pengarang dan pengkritik, masing-masing membawa identiti dan idea atau pemikiran mereka tersendiri. Oleh itu, kajian ini mengaplikasikan Gagasan Persuratan Baru seterusnya GPB untuk melihat pemikiran pengarang

Gagasan Persuratan Baru seterusnya GPB untuk melihat pemikiran pengarang dalam karya-karya terpilih Amil Jaya dan Harun Haji Salleh. GPB merujuk pada konsep ilmu yang benar, yakni satu konsep yang diperkenalkan bagi menolak teori dan pendekatan Barat supaya maksud keindahan dalam sesebuah karya lebih tepat dan bermakna.

1.2 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti beberapa persoalan kajian yang diketengahkan. Persoalan adalah:

1. Apakah pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang?
2. Adakah watak-watak yang ditampilkan sesuai dengan kehendak gagasan?
3. Adakah GPB sesuai diterapkan dalam karya-karya tersebut?

1.3 Objektif Kajian

Objektif Penyelidikan ini adalah seperti berikut :

1. Menganalisis pemikiran pengarang dalam karya.
2. Menilai bentuk dan corak pemaparan watak yang digambarkan oleh pengarang
3. Melihat sama ada GPB sesuai diterapkan dalam semua karya yang dikaji.

1.4 Batasan Kajian

Kajian hanya memilih dua orang penulis Sabah, iaitu Ismail bin Abbas (Amil Jaya) dan Harun Haji Salleh. Mereka merupakan antara penulis yang banyak

menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan Melayu dan bidang persuratan di Malaysia khususnya negeri Sabah.

1.4.1 Ismail Abbas (Amil Jaya)

Amil Jaya atau Ismail Abbas ialah salah seorang anak kelahiran negeri Sabah yang berjaya menempa nama dalam bidang kesusasteraan. Beliau telah dilahirkan pada 5 November 1939 di Kampung Pirasan, Kota Belud. Anak jati Kota Belud yang berbangsa Bajau ini amat meminati bidang kesusasteraan khususnya penulisan novel (Fail Peribadi Penulis, 1994). Amil Jaya telah berjaya memperlihatkan kemampuannya sebagai seorang novelis Sabah dengan menghasilkan novel-novel di bawah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Antara novel yang popular sehingga kini ialah *Cerah* (1976) dan *Ngayau* (1979). Ternyata novel-novel beliau mendapat perhatian pembaca sehingga beliau telah berjaya menghasilkan novel seterusnya yang berjudul *Bagaton* (1987). Amil Jaya merupakan seorang penulis yang memperjuangkan bahasa Melayu sehingga ke hujung hayatnya kerana beliau berhasrat melihat kesusasteraan dan Bahasa di Sabah mekar seiring usia (*Berita Harian*, 2009: 22).

Allahyarham Amil Jaya mempunyai tujuh cahaya mata hasil perkahwinan bersama dua orang isterinya, iaitu empat orang anak dari isteri pertama dan tiga orang anak dari isteri kedua. Isteri pertama beliau bernama Mariam Abu Bakar, 61 tahun. Manakala, isteri keduanya Rosnah Abu Bakar, 59 tahun. Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 2 September 2009 bersamaan 12 Ramadan 1430H di usianya 70 tahun. Beliau meninggal dunia kira-kira jam 4 petang di rumahnya, di kampung Bunga Tenghilan, Tuaran akibat mengalami sesak nafas akibat komplikasi jantung (*Berita Harian*, 2009: 45). Selain meninggalkan isteri dan anak, beliau juga meninggalkan 19 orang cucu.

Amil Jaya mula menulis novel pertamanya pada tahun 1977 yang berjudul *Cerah*. Novel *Cerah* memaparkan dua bangsa, Bajau dan Dusun yang sering bertelingkah soal kebudayaan di samping memprotes pernyataan baik dan buruk dalam realiti masyarakat. Minat beliau dalam bidang penulisan bermula setelah beliau berjaya menulis berita artikel tentang aktiviti di desanya. Meneliti data yang

diperolehi dari Kajian Soal Selidik AH Amil Jaya amat meminati genre penulisan novel berbanding genre lain. Bidang penulisan novel juga dianggap amat menguntungkan dari segi dokumentasi, pendapatan dan juga kreativiti (Kajian Soal Selidik AH 399, 1986). Kebanyakan artikel yang ditulis memuatkan berita mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan di desa kelahirannya seperti pertandingan bola sepak, sambutan hari ibu bapa dan banyak lagi. Sejak tahun 1958, beliau mula menulis puisi sebagai cara untuk mengembangkan bakatnya dalam bidang penulisan (Fail Peribadi Penulis, 1994: 2).

Pemilihan penulis ini dan tiga buah novelnya adalah kerana beliau merupakan penulis novel pertama di Sabah. Kebanyakan novel yang dihasilkan berkisar kehidupan, kepercayaan, agama dan adat resam pelbagai suku kaum yang ada di negeri Sabah, khususnya yang berlainan agama dan suku kaum. Antara novel yang pernah ditulis oleh beliau ialah *Cerah* (1976), *Ngayau* (1979), *Bagaton* (1987). Manakala, novel kanak-kanak popular yang ditulis oleh beliau ialah *Yanti Anak Laut* dan *Herwan Anak Kembara* (Fail Peribadi penulis, 1994). Kajian ini akan menggunakan ketiga-tiga novel dewasa Ismail Abbas, iaitu *Ngayau*, *Bagaton*, *Cerah*. Ketiga-tiga novel menyentuh tentang sikap masyarakat yang pelbagai suku kaum di negeri Sabah sendiri dan ia adalah berdasarkan pemahaman agama dan kepercayaan. Oleh itu, ketiga-tiga buah novel ini amat sesuai untuk dijadikan bahan analisis dengan menggunakan GPB.

Novel *Cerah* memenangi hadiah kedua Sayembara Menulis novel anjuran Badan Bahasa, Sabah. Menurut soal selidik yang didapati daripada Fail Peribadi beliau, novel *Cerah* ditulis dari evolusi masyarakat sesudah merdeka, iaitu sekitar tahun 1963 berdasarkan pemerhatian dan pengalaman beliau sendiri (Soal Selidik AH, 1983: 11). Novel *Cerah* merupakan novel yang telah memberi kesan kepada generasi muda kerana sanggup mengubah corak tradisi mereka untuk berdamai antara suku kaum Bajau dan Dusun. Manakala novel *Ngayau* pula ditulis daripada hasil penyelidikan beliau selama dua minggu menetap di rumah panjang orang Kayan, Sarawak. Bahan rujukan utama untuk menghasilkan novel ini juga didapati dari sebuah buku bertajuk "*Native of Sabah & Sarawak*" karya Roth Ling (Soal Selidik AH 339, 1983: 3). Ternyata keberkesanan novel ini telah menyebabkan Amil

Jaya mendapat hadiah pertama dalam peraduan anjuran Gabungan Penulis Sedar (GAPURA) dan Biro Bahasa pada tahun 1973.

Novel *Bagaton* adalah novel terbaik Amil Jaya kerana memaparkan kelainan dalam idea dalam olahan ceritanya, iaitu hidup dan cukup segar dengan pengalaman. *Bagaton* bukanlah novel yang steriotaip seperti novel-novel yang lain kerana ianya dapat mengubah selera dan menarik minat pembaca ke atas pemikiran dan pengalaman yang dilalui oleh penulis tentang masyarakat atau suku kaum di Sabah (Soal Selidik AH 339, 1983: 3). Oleh itu, ketiga-tiga novel beliau lebih banyak berkisar konflik masyarakat pribumi yang wujud di Sabah dan Sarawak. Keunikan yang berlaku dalam corak hidup dan pengamalan suku kaum yang ada di Sabah telah mendorong beliau menghasilkan karya-karya seperti itu. Tujuan beliau adalah memberi perangsang kepada kaum Bumiputera untuk maju seiring dengan perkembangan sains dan teknologi walaupun masih memelihara amalan tradisi mereka.

Penglibatan beliau dalam bidang penulisan kreatif secara langsung telah memantapkan kemahiran beliau dalam esei dan kritikan. Sumbangan beliau dalam bidang kesusasteraan telah menyebabkan beliau diiktiraf sebagai Sasterawan Sabah pada 10 April 1994. Anugerah ini merupakan anugerah yang pertama kali diadakan di negeri Sabah pada waktu itu. Dalam anugerah ini, terdapat empat orang penulis yang telah dicalonkan bersama Amil Jaya, iaitu penulis-penulis veteran seperti K. Bali, Harun Haji Salleh, Jamdin Boyong dan beliau sendiri. Beliau telah menerima wang tunai sebanyak RM15,000 sebagai pengiktirafan beliau dalam bidang penulisan karya kreatif di Sabah (*Sabah Times*, 1991). Selain itu, beliau juga dianugerahkan sebagai Tokoh Penyair Islam pada Majlis Malam Perdana Lambaian Seni Budaya Islam oleh Yang Dipertua negeri, Tun Sakaran Dandai.

Beliau dianugerahi Pingat Bintang Kinabalu (BK) pada tahun 1998, beliau juga merupakan Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) pada 1994. Kepercayaan dan penerimaan pembaca terhadap karya-karya kreatif beliau menyebabkan beliau dianugerahi pingat Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang seterusnya membawa gelaran Datuk pada tahun 2000 oleh TYT Yang Di-Pertua Negeri Sabah.

Beliau juga menerima Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) tahun 1995 dan Anugerah Sasterawan negeri Sabah pada tahun 1994 serta menerima S.E.A. Write Award di Bangkok, Thailand pada 1992 dan Anugerah Pujangga daripada Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Semasa ucapan ringkas beliau pada anugerah tersebut, beliau menjelaskan tentang kepentingan mengangkat kehidupan tradisional dan kebudayaan tradisi dalam penulisan supaya bahan bacaan seperti ini seterusnya akan dapat disasarkan kepada generasi muda (*Sabah Times*, 1992: 12).

1.4.2 Harun Haji Salleh

Penulis kedua ialah Harun Haji Salleh atau lebih dikenali sebagai Teruna Lara. Beliau merupakan seorang penulis yang terkenal dengan jolokan Penulis Islam di negeri Sabah dan penulis novel Islam Malaysia. Walaupun bukan anak kelahiran asli Sabah, beliau mula bergiat menulis novel sejak menetap di negeri Sabah sehingga dikenali ramai dalam bidang penulisan karya kreatif (Puri Minda DBP, 1999: 2). Hasil karya beliau juga boleh dibanggakan kerana mendapat perhatian pengkritik sama ada di negeri Sabah sendiri mahupun di Semenanjung Malaysia. Gaya penulisan yang dibawa oleh Harun Haji Salleh berbeza berbanding Amil Jaya kerana kebanyakan karya beliau berunsur Islam, iaitu menceritakan tentang kehidupan yang dilalui oleh seorang Islam, keinsafan, pengajaran, tentang perjuangan agama Islam, kesungguhan manusia menuntut ilmu untuk mencari keseimbangan dunia akhirat dan sebagainya.

Harun Haji Salleh atau lebih dikenali sebagai Teruna Lara dilahirkan di kampung Bukit Tempurung, Seri Meranti Negeri Sembilan pada 15 April 1935 telah dibidani oleh seorang bidan terkenal di kampungnya, iaitu Uwan Darek. Beliau telah diberi nama "Harun" oleh ayahnya sebaik sahaja lahir ke dunia. Walau bagaimanapun, beliau lebih dikenali dengan gelaran "Ayun" dalam kalangan rakan-rakan sekampung kerana sifatnya yang suka membaca dan berkhayal (Harun Haji Salleh, 2005: 14). Oleh kerana jarak rumahnya yang tidak jauh dengan Istana Seri Meranti, beliau sering bergaul dan menghabiskan zaman kanak-kanak bersama

anak-anak Raja (Harun Haji Salleh, 2005: 100). Pengaruh kehidupan masyarakat feudalisme¹ sedikit sebanyak telah membentuk identiti dan keperibadian beliau.

Harun mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seri Menanti negeri Sembilan sehingga darjah tujuh dan merupakan antara pelajar yang mendapat keputusan terbaik dalam peperiksaan daripada 39 orang rakan-rakan sedarjah. Rangsangan beliau dalam bidang sastera semakin kuat apabila bapanya sering melagukan hikayat-hikayat seperti *Hikayat Klasik Minang*, *Syair Siti Zubaidah* dan *Syair Nabi Bercukur*. Manakala, ibunya pula sering bercerita tentang kisah-kisah dongeng seperti *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Kisah Malim Kundang Anak Dorhako* dan *Si Tanggung* (Harun Haji Salleh, 2005: 20). Setelah tamat pengajian di Kolej Pertanian Serdang beliau memohon kerja sebagai Pembantu Pertanian Rendah. Permohonan beliau untuk mendapatkan kerja sebagai Pembantu Pertanian Rendah telah diterima dan beliau telah bertolak ke Jesselton dengan kapal SS Darvel dari pelabuhan Singapura bersama-sama 500 pokok benih koko seperti yang telah dipertanggungjawabkan oleh Pengarah Pertanian Borneo Utara (Puri Minda DBP Sabah, 1999: 2).

Walaupun sibuk melaksanakan tugas, beliau masih sempat membaca novel *Darah Kedayan* dan novel *Mat Salleh* karya Allahyarham Harun Aminurrashid sebelum ditukarkan ke Tuaran. Di sana beliau berkenalan dengan Apong (Allahyarham) seorang pelanggan tetap akhbar *Utusan Melayu* yang banyak membaca buku-buku pengetahuan tentang perkembangan semasa dan pernah mewakili pertubuhan USNO bahagian Tuaran (Harun Haji Salleh, 2005: 219-220). Beliau pernah menjadi editor bahasa Melayu dalam penerbitan *Sandakan Sunday News* sebelum mengikuti kursus Maktab Latihan Perhutanan, di Pusat Perhutanan Kepong, Kuala Lumpur (Biodata Penulis Sabah 2004: 42). Karya sulung Harun telah termuat dalam akhbar *Majlis* yang berjudul *Senyum Sedikit*. Karya terawal Harun dalam genre novel ialah *Menara Gading* dan *Kemarau* (Harun Haji Salleh, 2005: 349-351). Namun, kedua-dua novel ini kurang berjaya kerana ditulis tanpa

¹ Merujuk kamus Dewan edisi keempat, feudalisme bermaksud: 1. Sistem kemasyarakatan yang dikuasai oleh kaum bangsawan, 2. Sistem pembahagian tanah kepada kaum bangsawan di Eropah pada zaman dahulu (dengan kaum petani yang mengusahakan tanah diwajibkan memberikan khidmat kepada bangsawan yang menjadi tuan punya tanah) (2005: 410).

mengambil kira teknik dan proses kreatif² yang perlu ada dalam menghasilkan sebuah novel.

Kegagalan kedua-dua karya tersebut telah memaksa beliau berpatah balik kepada genre penulisan cerpen dan skrip drama radio yang pada perhitungannya lebih mudah berbanding novel sehingga pada 15 September 1973 beliau mempelajari teknik dan olahan karya dengan cara yang betul. Novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* telah mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Menulis Novel Sempena Abad Ke-15. Novel ini diilhamkan sempena menyambut perayaan bermulanya abad ke-15 Hijrah dan tepat dengan kriteria yang diperlukan dalam Pertandingan Menulis Novel berunsur Islam anjuran MUIS (Majlis Agama Islam Sabah) dengan kerjasama Jabatan Menteri, Sabah (Biodata Penulis Sabah, 2004: 42).

Harun telah mendirikan rumahtangga dengan tunangnya, Hasnah Jali pada 26 Jun 1956 dalam satu upacara perkahwinan yang ringkas tetapi meriah. Hasil perkongsian hidup bersama Hasnah Jali, beliau telah dikurniakan lapan orang cahaya mata, iaitu dua orang lelaki dan enam orang perempuan. Harun telah menunaikan ibadah haji bersama isteri yang dikasihi sebelum kembali ke rahmatullah pada 22 Julai 1999.

Harun pernah menerima Hadiah Sastera Melayu-Public Bank, ESSO-GAPENA (Yayasan Sabah III) yang dimenangi melalui manuskrip novel *Sebung Dua Kiblat*. Selain itu, beliau juga pernah memenangi hadiah dalam peraduan Menulis Novel anjuran Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama DBP melalui novel *Hidayah* (1984) yang telah mendapat tempat ketiga dan terpilih sebagai manuskrip terbaik daripada sejumlah penyertaan. Antara novel lain yang pernah memenangi hadiah peraduan menulis novel ialah *Seorang Graduan* (1990), *Daerah Asing* (1987), *Murtad* (1992) dan *Liku-liku Pertembungan, Orang Malaya* (1993), *Saing-Saingan* (1994), *Teduhlah Hujan Redalah Angin* (Novel Remaja) dan *Jalur-jalur Imbasan* (1995) (*Berita Melayu*, 1994: 4).

² Proses kreatif merangkumi tiga peringkat, iaitu persediaan, pengeraman dan iluminasi (Dewan Sastera, 2000: 30).

Kecenderungan beliau yang mula meminati bidang penulisan sejak tahun 50-an telah berjaya menerbitkan beberapa buah novel yang terkenal seperti *Hidayah* (1984), *Di Sebalik Sebuah Kubah* (1986), *Daerah Asing* (1987), *Seorang Graduan* (1990), *Murtad* (1992) dan beberapa buah novel lagi (Berita Melayu, 1994: 2). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memilih tiga buah novel-novel beliau, iaitu *Murtad*, *Hidayah* dan *Di Sebalik Sebuah Kubah*. Tiga buah novel ini dipilih kerana ketiga-tiga buah novel ini memperlihatkan unsur dan nilai-nilai Islam yang jelas.

Analisis karya-karya terpilih Amil Jaya dan Harun Haji Salleh seterusnya dapat meneliti pemikiran pengarang serta penonjolan watak perwatakan yang menepati kriteria kerangka GPB, yakni konsep ilmu yang benar berdasarkan konsep tauhid dan *taklif*.

Kajian ke atas keenam-enam buah novel masing-masing tentang karya Amil Jaya dan Harun Haji Salleh menggunakan kerangka analisis GPB sebagai sebuah gagasan yang relevan dalam mengkritik karya-karya sastera seperti novel. Berdasarkan GPB penekanan kepada konsep tauhid dan *taklif* mengikut ilmu yang benar adalah matlamat utama dalam gagasan ini. Namun, dalam analisis keenam-enam buah novel terpilih Amil Jaya dan Harun Haji Salleh, kajian hanya memfokuskan pemikiran pengarang dalam aspek isi dan aspek makna serta pemikiran yang disalurkan melalui watak dan perwatakan yang dipaparkan oleh penulis. Pemikiran pengarang dalam aspek isi dan aspek makna akan dilihat dan dibincangkan melalui konsep tauhid *taklif* dari GPB. Manakala, dari sudut pemikiran watak dan perwatakan dalam novel-novel pula akan dilihat dari hakikat insan dari GPB dan juga hakikat ilmu dan amal serta hakikat dan fungsi sastera yang mendasari konsep keinsanan yang benar.

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif, iaitu kajian perpustakaan dengan cara pengumpulan data dan penganalisan data. Pengumpulan data ditumpukan pada novel dua orang penulis Sabah, iaitu Amil Jaya dan Harun Haji Salleh yang berdasarkan bahan daripada perpustakaan seperti buku, jurnal, memoir, artikel,

rencana, fail peribadi dan tesis yang berkaitan. Walau bagaimanapun, kaedah temubual atau wawancara tidak dijalankan memandangkan kedua-dua orang penulis telah kembali ke rahmatullah. Oleh itu, kebanyakan pengumpulan data berkenaan novel-novel dan penulis didapati secara terus dari Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan negeri Sabah.

1.5.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang sama digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan teori atau gagasan yang untuk mengkritik novel-novel yang telah dipilih. Sejarah dan susur galur berkenaan GPB dikumpulkan terlebih dahulu sebelum penganalisan data dilakukan dalam bab keempat kajian, yakni kaedah tekstual terhadap teks. Pengenalan tentang GPB harus difahami secara terperinci.

GPB adalah satu kerangka analisis yang mudah untuk menilai kesahihan dan ketepatannya apabila melakukan kritikan novel atau cerpen. Matlamat gagasan ini juga sama dengan teori-teori yang ada, iaitu menyediakan satu kerangka pemahaman tentang apa yang difahami untuk menghasilkan sebuah karya yang baik dan bermutu.

Terdapat tiga falsafah yang dipegang oleh GPB, iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan hakikat amal serta hakikat dan fungsi sastera. Manakala, *taklif* merupakan tunjang kepada ketiga-tiga falsafah tersebut. *Taklif* bermaksud keterikatan antara manusia dengan penciptanya. Dalam analisis sesebuah karya, Mohd Affandi menjadikan konsep *taklif* sebagai paksi dalam GPB. Konsep *taklif* ini jelas apabila Mohd Affandi menghuraikan pengertian dan peranan manusia sebagai insan (Hakikat Insan). Selain itu, terdapat tiga rahsia *taklif* yang menyokong kuat konsep ini, iaitu keadilan, ilmu pengetahuan dan ikhtiar. Menurut Mohd Affandi, isi penting yang terkandung dalam jawapan manusia kepada Allah SWT ialah janji seorang hamba yang sedia untuk memperakukan ke-Esaan penciptanya (Mohd Affandi, 2008: 428). Dalam konteks ini, Mohd. Affandi menjelaskan bahawa isi kandungan ayat Al-Quran akan menjadi dalil terhadap termaterainya 'perjanjian azali' antara manusia dengan Allah SWT. Ianya mengandungi ikrar manusia untuk melaksanakan

segala perintah dan menjauhi segala larangan penciptanya (*amar ma'ruf nahi munkar*).

1.5.1 Kaedah Penganalisisan Data

Kaedah penganalisisan data dalam metodologi penyelidikan ini adalah berdasarkan kajian tekstual terhadap teks. Berdasarkan GPB, perspektif analisis yang digunakan adalah perspektif Islam. Perkara pertama yang akan ditekankan dalam analisis adalah mendedahkan masyarakat atau penganut Islam kepada konsep ilmu yang benar berasaskan tauhid ke atas novel-novel Ismail Abbas dan Harun Haji Salleh. Penyelidik akan melihat bentuk wacana yang digunakan dalam novel-novel tersebut. GPB mengutamakan pemikiran bentuk wacana yang tersusun berdasarkan konsep ilmu yang benar dan bukannya luahan emosi. Sesuai dengan konsep yang cuba diterapkan dalam GPB, aspek ilmiah akan dapat dilihat pada pengutaraan idea dalam novel kedua-dua penulis. Seterusnya, idea dan pemikiran pengarang tentang sesuatu perkara akan dapat dikesan dan cara penulisan juga bersifat ilmiah.

Bentuk pula akan dinilai melalui ketelitian dalam penggunaan bahasa seperti pemilihan kata, istilah, ungkapan dan penggunaan bentuk-bentuk penulisan (khutbah, dialog, monolog atau sisipan). Mengikut GPB, keindahan bahasa akan dilihat berasaskan konsep ihsan. Bahasa adalah penjelmaan makna *taklif* dalam kejadian manusia dan peranannya dalam dunia. Oleh itu, penyelidik akan melihat adakah bahasa yang digunakan dalam novel kedua-dua penulis ini menepati bahasa dalam persuratan dan bukan untuk perhiasan seperti karya sastera sebaliknya bertujuan mempertajam dan menjelaskan makna yang ingin disampaikan. Dari segi strukturnya pula, sebuah karya persuratan akan membincangkan konsep ilmu yang betul, iaitu berdasarkan hakikat insan, hakikat ilmu dan hakikat amal. Hakikat insan bertujuan memandu watak dan perwatakan diasaskan kepada konsep insan yang betul. Hakikat ilmu dan amal pula lazimnya akan meletakkan adab pada kedudukan yang penting. Mengikut konteks Kesusasteraan GPB, adab merujuk kepada perakuan terhadap keutamaan sesuatu perkara yang di antaranya merangkumi soal ketepatan, nilai, suruhan dan larangan yang berkaitan dengan penghasilan dan penghayatan karya.

Melalui pembacaan, didapati kajian berkenaan GPB telah dihuraikan dengan lebih lanjut oleh Mohd. Affandi Hassan, Zariat Abdul Rani & Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2008) dalam buku berjudul *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*.

Dalam buku ini mereka mengaplikasi GPB pada novel-novel pilihan untuk menguji kesesuaian gagasan ini sebagai sebuah gagasan yang kritis dan lebih segar. Menurut Mohd. Affandi Hassan, GPB adalah satu gagasan yang dikonsepsikan sebagai gagasan yang merangkumi aspek falsafah dan aspek praktik, yakni satu alternatif yang lahir di Malaysia, mungkin yang terbaik untuk menganalisis dan menilai karya kreatif, di samping memberi saranan konkrit bagaimana menulis karya-karya kreatif yang memberi tumpuan secara sedar kepada konsep ilmu yang benar (2008: 5). Penjelasan konsep ilmu yang benar seperti tauhid dan *taklif* telah dihuraikan dalam bukunya, *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid (1992)* yang amat sesuai dijadikan panduan kepada pengarang dan pengkritik mengenali konsep karya persuratan bercorak Islam sebagaimana yang ditekankan dalam GPB. Intisari buku ini membincangkan peranan pengarang menurut Islam yang merangkumi pendekatan tauhid, ciri-ciri estetika Melayu dan penulisan espen dalam penekanan tiga falsafah GPB, iaitu Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal serta Hakikat dan Fungsi Sastera (1992: 14-15).

Walaupun banyak novel-novel Sabah telah dianalisis, tetapi masih belum ada novel yang dikritik menggunakan GPB sebagai kerangka analisis. Sebaliknya kebanyakan karya-karya mengaplikasi teori dan pendekatan Barat. Kandungan buku ini turut mengumpulkan esei dan kritikan daripada tiga orang pengarang dan pengkritik yang telah mengaplikasi GPB terhadap novel-novel terpilih mereka. Mohd. Affandi Hassan sendiri telah menguji gagasan ini ke atas novel beliau, *Aligupit* (1993), *Jejak Warisan* (1994) dan *Pujangga Melayu* (1997) untuk menjelaskan cara baru dalam penulisan mengikut GPB, yakni penulisan yang bercorak kesarjanaan, gaya ilmiah tetapi indah (Mohd. Affandi Hassan, 2008: 159).

Sebagaimana yang ditegaskan dalam *Pendidikan Estetika dari Pendekatan Tauhid*, beliau menjelaskan penggemblengan watak-watak dalam *Jejak Warisan*

yang unggul, boleh dicontohi, bijaksana, berani, berilmu dan sanggup berkorban untuk mencapai cita-cita yang nyata melambangkan hakikat insan yang menepati salah satu falsafah GPB. *Aligupit* menjelaskan pemikiran pengarang tentang *stylization of ideas*, iaitu bentuk yang diberi nama *dialogidea* dalam episod-episodnya. *Dialogidea* adalah bentuk yang memberi keutamaan pada pemikiran, iaitu penulisan espen atau dikenali sebagai esei dan cerita pendek (Mohd. Affandi Hassan, 1992: 81). Selain itu, buku ini juga memaparkan beberapa esei dan kritikan Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zariat Abd. Rani yang memanfaatkan GPB sebagai penilaian dan kerangka analisis mereka.

Sehubungan dengan itu, Ungku Maimunah Mohd. Tahir telah membuat penilaian berdasarkan GPB ke atas dua buah novel, *Lorong Midaq* karya Naguib Mahfouz dan *Salam Maria* karya Fatimah Busu. *Lorong Midaq* adalah sebuah novel yang memenangi hadiah Nobel pada tahun 1988 yang ditulis oleh seorang penulis terkenal dunia, iaitu penulis kreatif Arab (Mohd. Affandi Hassan *et.al*, 2008: 217). Beliau memilih GPB sebagai kerangka analisis *Lorong Midaq* untuk menyahut seruan penggunaan kerangka analisis tempatan dan memanfaatkan beberapa gagasan saja, iaitu dua bahagian dari GPB, iaitu bahagian yang memperakukan (ilmu) dan bahagian penolakan (cerita) (Ungku Maimunah, 2008: 221).

Daripada perakuan ilmu dan penolakan cerita GPB, Ungku Maimunah Mohd. Tahir menyebutnya sebagai keutamaan atau prioriti, yakni konsep dominan daripada perungkaiian teks yang distrukturkan sama ada memberi keutamaan kepada ilmu ataupun cerita. *Lorong Midaq* lebih memperincikan realisme yang dilihat menjadi alat penceritaan paling dimonon. Perincian realisme novel ini dapat dilihat daripada kehadiran pelbagai babak dan aksi fizikal manusia termasuk perasaan yang ditonjolkan dalam bahagian-bahagian novel (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2008: 231-233). Justeru, kehadiran realisme dan aksi fizikal pada keseluruhan karya menyebabkan *Lorong Midaq* ketiadaan cerapan ilmu malah kekaburan moralnya amat ketara dilihat pada pengolahan watak utama, Hamida. Soal prioriti atau keutamaan dari ciri GPB yang dirungkai oleh Ungku Maimunah jelas memaparkan intipati cerita berbanding penyampaian ilmu. Oleh itu, jelas sekali GPB menolak *Lorong Midaq* sebagai sebuah karya berbentuk menyampaikan ilmu tetapi hanya

sebuah novel yang menguatkan cerita dari pengukuhan realisme aksi dan perlakuan manusia.

Dalam kritikan dan analisis novel *Salam Maria*, Ungku Maimunah memilih perspektif GPB sebagai kerangka analisis tempatan yang boleh berlaku adil ke atas karya kerana bertunjangan *taklif* dan dikejapkan pula dengan pendekatan tauhid, iaitu intipati *Salam Maria* dikhususkan pada cerita dan ilmu berdasarkan GPB tetapi dilihat dari sudut perbezaannya. Penelitian *Salam Maria* oleh Ungku Maimunah telah menimbulkan beberapa persoalan dan keraguan apabila pengertian adil dan adab GPB diambil kira. Menurut Ungku Maimunah, novel *Salam Maria* digarap melalui konsep simplisiti, sublimiti, metafizik, dan juga menggunakan kaedah interteks, adaptasi, imitasi, konvensyen langsung, konvensyen tak langsung dan transfromasi yang diakui sendiri oleh penulisnya Fatimah Busu (2008: 246). Pencernaan novel ini telah menimbulkan pelbagai persoalan apabila dilihat melalui keadilan, pengertian adab, soal kebaikan dan kebenaran dari pandangan GPB. Oleh itu, dari aspek isi *Salam Maria* dilihat kabur moralnya apabila Fatimah Busu hanya mempertahankan konsep "baik dibalas baik dan jahat dibalas jahat" sedangkan GPB lebih mementingkan konsep insan dari perlakuan manusia, iaitu fitrah kehidupan manusia yang dicipta Allah SWT dan tugas utama sebagai hamba dan khalifah-Nya di muka bumi (Mohd. Affandi Hassan, 1992: 15-18).

Manakala, penggemblengan ruang naratif novel pula memberi keutamaan kepada cerita berbanding ilmu yang boleh dilihat melalui manipulasi watak, adegan-adegan dalam novel, serta aksi fizikal daripada pencernaan imitasi karya Rendra untuk mencetuskan cerita (Ungku Maimunah, 2008: 254).

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan beberapa kepentingan kepada penulis dan pengkritik khasnya mereka yang berminat dengan karya moden. GPB diasaskan berdasarkan ilmu yang benar, iaitu ilmu yang dikembangkan melalui wacana bukannya cerita melulu.